



**PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA**  
**BILANGAN 5 TAHUN 2015**

---

**PANDUAN PENUBUHAN DAN PENGURUSAN KAWASAN HUTAN  
PERLINDUNGAN TANAH DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL DI SEMENANJUNG  
MALAYSIA**

---

## **1.0 LATAR BELAKANG**

- 1.1. Seksyen 10(1)(b) Akta Perhutanan Negara 1984 telah menetapkan bahawa Hutan Perlindungan Tanah (HPT) sebagai salah satu dari dua belas fungsi kegunaan bagi Hutan Simpanan Kekal (HSK). HPT dijelaskan sebagai kawasan yang curam dan agak sensitif terhadap perubahan persekitaran berdasar kepada keadaan tanah, geologi dan taburan hujan yang boleh mengakibatkan kesan negatif kepada alam sekitar dan kesejahteraan hidup.
- 1.2. HPT mempunyai ketinggian melebihi 1,000 meter aras paras laut dan/atau berkecerunan melebihi 40 darjah. Apa-apa aktiviti penerokaan tanah di sekitar kawasan ini boleh mengakibatkan hakisan tanah, banjir kilat, tanah runtuh, pemendapan kelodak, kehilangan nutrien tanah dan kemerosotan kualiti alam sekitar. Semua perkara ini akan mempengaruhi suasana kehidupan penduduk dan melibatkan kos yang tinggi untuk dipulihkan.
- 1.3. Pelbagai faedah boleh diperolehi daripada penubuhan HPT ini, antaranya ialah dapat memastikan kestabilan iklim, memelihara sumber air, menyuburkan tanah, menjaga kualiti alam sekitar, pemeliharaan biodiversiti,

mengurangkan kerosakan dan bencana alam seperti banjir dan hakisan kepada sungai dan tanah pertanian.

- 1.4. Berasaskan statistik sehingga 31 Disember 2013, seluas 525,012.68 hektar kawasan hutan telah dikenal pasti sebagai HPT. Pecahan HPT mengikut negeri adalah seperti Lampiran 1.

## **2.0 SKOP**

- 2.1 Skop panduan ini adalah untuk mendefinisikan HPT dan mengariskan kriteria-kriteria penentuan kawasan HPT dalam HSK. Selain itu panduan ini menghuraikan aspek penubuhan, pemantauan dan preskripsi pengurusan kawasan HPT.

## **3.0 OBJEKTIF PANDUAN**

- 3.1 Objektif panduan ini ialah untuk menyeragamkan kaedah penubuhan dan pengurusan HPT dalam HSK di Semenanjung Malaysia.

## **4.0 PENENTUAN HUTAN PERLINDUNGAN TANAH**

- 4.1 HPT hendaklah mempunyai ciri-ciri berikut:-

### **4.1.1 Kawasan yang melebihi 1,000 meter aras paras laut**

HPT berperanan untuk memelihara dan melindungi tanah bagi kawasan hutan yang diklasifikasikan sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) di bawah Rancangan Fizikal Negara 2010. Melalui pengurusan yang berpandukan kepada kriteria KSAS

Tahap 1 iaitu bagi kawasan berkontur melebihi 1000 meter tidak boleh dijalankan pembangunan, pertanian atau pembalakan kecuali hanya untuk aktiviti pelancongan alam semula jadi yang berimpak rendah, penyelidikan dan pendidikan sahaja. Kawasan yang melebihi kontur 1,000 meter a.p.l. akan dikenal pasti untuk tujuan penubuhan HPT.

#### **4.1.2 Kawasan berkecerunan melebihi 40 darjah**

Kawasan hutan berkecerunan 40 darjah ke atas juga dikelaskan sebagai kriteria utama pemilihan kawasan HPT. Keluasan minimum hanya diambil kira sebagai HPT apabila sesuatu kompatmen itu telah dilitupi oleh sekurang-kurangnya 80% kawasan berkecerunan melebihi 40 darjah. Penentuan keluasan ini mudah dilakukan dengan menggunakan ArcGIS.

#### **4.1.3 Kawasan yang mempunyai sejarah kejadian tanah runtuh**

Kawasan yang bertopografi tidak melebihi 1,000 meter atau berkecerunan melebihi 40 darjah juga boleh dikelaskan sebagai HPT sekiranya pernah mempunyai rekod berlakunya tanah runtuh yang serius.

#### **4.1.4 Kawasan hutan di kawasan pulau**

Kawasan hutan di sesebuah pulau di sesuatu perairan boleh dikelaskan sebagai HPT sekiranya tidak mempunyai sebarang kelas hutan perlindungan. Kawasan topografinya tidak terikat kepada lebih atau kurang dari 1,000 meter a.p.l dan 40 darjah kecerunan.

#### **4.1.5 Kawasan yang berpotensi tinggi untuk mengalami tanah runtuh di masa hadapan**

Sesuatu kawasan tanah hutan yang berpotensi untuk runtuh pada masa hadapan akibat dari aktiviti pembangunan tanah yang bersebelahan dengannya. Risiko tinggi berlakunya tanah runtuh akibat aktiviti dari pembinaan lebuhraya di kawasan tanah berbukit atau akibat pembinaan infrastruktur lain membolehkan kawasan HSK yang bersebelahan dengan aktiviti itu boleh dikelaskan sebagai HPT.

### **5.0 PENUBUHAN HUTAN PERLINDUNGAN TANAH**

#### **5.1 Penilaian Kawasan**

- 5.1.1 Pegawai Hutan Daerah (PHD) hendaklah mengenal pasti dan menilai kesesuaian cadangan kawasan untuk dijadikan HPT berdasarkan kriteria penentuan kawasan di para 4.0.
- 5.1.2 PHD hendaklah menyediakan laporan penilaian kawasan dan mengemukakan kepada Pengarah Perhutanan Negeri (PPN). Laporan penilaian ini hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:
  - i. daerah hutan;
  - ii. nama HSK;
  - iii. nombor kompartmen;
  - iv. keluasan kawasan;
  - v. justifikasi pemilihan kawasan

- vi. keadaan kawasan [contoh: jenis hutan, komposisi spesies flora secara umum, status hutan (hutan dara atau hutan diusahasil), kawasan berbatu termasuk batu kapur, sungai, tasik, paya dan topografi];
- vii. sejarah kompartmen yang terlibat termasuk petak-petak penyelidikan/ kajian contoh Petak Contoh Kekal (PCK), Petak Fenologi, Kawasan Pengeluaran Biji Benih (*Seed Production Area*), *Growth & Yield Plot* (G&Y), *Growth Plot*, *CFI* dan *HCVF*);
- viii. klasifikasi fungsi hutan semasa [merujuk kepada Seksyen 10(1), APN, 1984];
- ix. jalan perhubungan (darat dan air);
- x. maklumat lain (termasuk kawasan penempatan Orang Asli dan masyarakat setempat, kepentingan penduduk setempat, keadaan kawasan sekeliling, kawasan rekreasi dan sebagainya);
- xi. ulasan dan syor oleh PHD; dan
- xii. pelan kawasan.

5.1.3 PPN hendaklah meneliti laporan ini dan memutuskan penubuhan HPT.

## 5.2 Penubuhan Kawasan

### 5.2.1 Keluasan Kawasan

Keluasan kawasan HPT yang ditetapkan adalah bergantung kepada kriteria yang telah ditetapkan di para 4.1. Bagi keadaan di para 4.1.1;

kawasan yang berketinggian melebihi 1000 meter, tiada keluasan minima ditetapkan. Namun begitu bagi keadaan di para 4.1.2; melibatkan kawasan yang berkecerunan 40 darjah, keluasan minima yang ditetapkan ialah keluasan kompartment berkenaan.

### **5.2.2 Pewartaan Hutan Perlindungan Tanah**

- (i) Pengarah Perhutanan Negeri hendaklah mengemukakan cadangan penubuhan HPT kepada Pihak Berkuasa Negeri yang mengandungi perkara seperti berikut:
  - (a) kawasan yang dicadangkan;
  - (b) pelan yang menunjukkan sempadan kawasan yang dicadangkan;
  - (c) justifikasi penubuhan HPT; dan
  - (d) syor Pengarah Perhutanan Negeri.
- (ii) Pengarah Perhutanan Negeri hendaklah mengemukakan satu salinan kelulusan dari Pihak Berkuasa Negeri berserta pelan cadangan HPT kepada Pengarah Ukur dan Pemetaan bagi tujuan penyediaan pelan warta.
- (iii) Selepas menerima pelan warta daripada Pengarah Ukur dan Pemetaan, PPN hendaklah menyediakan deraf warta pengkelasan kawasan HSK sebagai HPT kepada Penasihat Undang-Undang Negeri.
- (iv) Selepas menerima deraf warta yang telah dipersetujui oleh Penasihat Undang-Undang Negeri, PPN hendaklah

menandatangani dan mengemukakan semula kepada Penasihat Undang-Undang Negeri untuk disiarkan.

#### **5.2.3 Penandaan Sempadan**

- (i) Pada amnya, kawasan HPT meliputi kawasan yang luas yang mana penandaan sempadan di lapangan adalah amat sukar di samping memerlukan kos yang tinggi. Oleh itu, sempadan kawasan HPT memadai ditandakan di atas peta klasifikasi fungsi hutan di Pejabat Perhutanan Negeri, Pejabat Hutan Daerah dan Pejabat Renj Hutan.

#### **5.2.4 Papan Tanda**

- (i) Papan tanda perlulah diletakkan di kawasan yang strategik seperti di persimpangan jalan masuk menuju ke kawasan HPT;
- (ii) Papan tanda HPT hendaklah mengandungi maklumat seperti nama HSK, keluasan, tahun penubuhan dan nombor warta.
- (iii) Latar belakang papan tanda ini hendaklah berwarna kuning muda dan tulisan berwarna hitam seperti contoh di Lampiran 2.

### **6.0 PENGURUSAN KAWASAN**

#### **6.1 Pemantauan**

- 6.1.1 Pegawai Hutan Daerah adalah bertanggungjawab untuk memastikan aktiviti pemantauan dilaksanakan ke atas kawasan HPT. Antara kaedah pemantauan yang boleh digunakan ialah melalui:
- (i) pemantauan udara;
  - (ii) aplikasi remote sensing yang sedang berkuatkuasa seperti *Forest Monitoring Using Remote Sensing* (FMRS); dan
  - (iii) pemeriksaan di lapangan.
- 6.1.2 Pemantauan kawasan HPT hendaklah dilaksanakan sekerap yang mungkin dan laporan pemantauan hendaklah disediakan setahun sekali.
- 6.1.3 Laporan pemantauan hendaklah dikemukakan kepada PPN menggunakan format seperti di Lampiran 3.
- 6.1.4 Sekiranya dikesan berlakunya pencerobohan atau kesalahan hutan lain, laporan terperinci hendaklah dibuat serta merta kepada PPN.

## 6.2 PRESKRIPSI PENGURUSAN

Preskripsi pengurusan Hutan Perlindungan Tanah hendaklah dimasukkan dalam Rancangan Pengurusan Hutan Negeri (RPH) dengan meliputi perkara-perkara berikut:-

- (i) objektif, matlamat dan strategi pengurusan;
- (ii) maklumat asas kawasan;
- (iii) maklumat hidrologi dan sumber air;

- (iv) latar belakang mengenai sejarah pengurusan hutan;
- (v) tatacara kawalan dan pemantauan kawasan; dan
- (vi) penyelidikan dan pembangunan (R&D).

## 7.0 KESIMPULAN

Panduan ini membantu Jabatan Perhutanan Negeri untuk mengenal pasti, menentukan dan mengurus kawasan HPT secara teratur dan seragam dalam HSK di Semenanjung Malaysia.

## 8.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa serta merta dan terpakai di semua negeri di Semenanjung Malaysia.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“HUTAN UNTUK KESEJAHTERAAN MASYARAKAT”**

**“1 MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”**

Saya yang menurut perintah.



**( DATO' SRI DR. HJ. ABD. RAHMAN BIN HJ. ABD. RAHIM )**

Ketua Pengarah Perhutanan  
Semenanjung Malaysia

Bertarikh  Januari 2015

## **GLOSARI**

**1. Pegawai Hutan Daerah (PHD)**

Termasuk Pegawai Hutan Jajahan bagi negeri Kelantan; Timbalan Pengarah bagi negeri Pulau Pinang; Penolong Pengarah bagi Negeri Perlis, Melaka dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

**2. Kawasan Sekitar**


Kawasan sekitar adalah kawasan bersebelahan dan sekitar kawasan tanah bukit, tanah tinggi, gunung dan lereng/cerun bukit yang dijangka menerima dan memberi kesan secara langsung oleh pembangunan berkenaan.

Lampiran 1

**Keluasan Kawasan Yang Dikenalpasti Sesuai Untuk Menjadi Hutan  
Perlindungan Tanah Mengikut Negeri Sehingga 31 Disember 2013**

NEGERI	KELUASAN (ha)
Johor	23,131.05
Kedah	3,572.00
Kelantan	78,909.00
Melaka	36.17
Negeri Sembilan	0
Pahang	190,327.33
Perak	184,583.06
Perlis	4,380.00
Pulau Pinang	5,100.93
Selangor	27,916.00
Terengganu	7,057.3
Wilayah Persekutuan	0
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>525,012.84</b>

**CONTOH PAPAN TANDA  
HUTAN PERLINDUNGAN TANAH**



**LAPORAN PEMANTAUAN  
KAWASAN HUTAN PERLINDUNGAN TANAH (HPT)**

Tahun: .....

*(laporan ini hendaklah disediakan secara berasingan bagi setiap HPT)*

**No. Warta HPT** : .....

**Nama Hutan Simpanan Kekal:** .....

**Daerah Hutan** : .....

**Negeri** : .....

**1. Kaedah Pemantauan**

*(Isikan maklumat dalam ruangan mengikut kaedah pemantauan yang dijalankan)*

**(i) Pemantauan Udara:**

(a) Tarikh Pemantauan: .....

(b) Pegawai Pemantau: .....

Bil.	Nama	Jawatan

(c) Penemuan: .....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

(ii) Pemantauan secara aplikasi *remote sensing*

**(Catatan:** gunakan lampiran berasingan sekiranya ruangan tidak mencukupi)

**(iii) Pemeriksaan di Lapangan:**

- (a) Tarikh Pemeriksaan:.....
- (b) Nama & Jawatan Ketua Pasukan:.....
- (c) Ahli Pasukan:

Bil.	Nama	Jawatan

*(Catatan: gunakan lampiran berasingan sekiranya ruangan tidak mencukupi)*

- (d) Kawasan Semakan: (*Nyatakan lokasi, kordinat dan sertakan pelan yang menunjukkan kawasan semakan*)

.....

.....

.....

.....

.....

- (e) Penemuan: (*lampirkan gambar*)

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

*(Catatan: gunakan lampiran berasingan sekiranya ruangan tidak mencukupi)*

**2. Perkara-perkara Lain:**

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

**3. Ulasan Pegawai Hutan Daerah:**

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

Tandatangan: ..... Tarikh: .....

Nama: .....

Pegawai Hutan Daerah: .....